



Sejarah Dan Perkembangan Unit Alumni & Debat

Sayang Nurshahrizleen & Mohd. Hafizi, Unit Alumni & Debat

Pegawai Unit :

Unit Alumni (2006-2007)

1. En. Fauzi Baharom
Jawatan : Pegawai Tadbir
Kini : Pejabat TNC (A&P) Pejabat Pengurusan Akademik
2. En. Ibrahim Din
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O)
Kini : Unit Latihan, Pembangunan Pelajar & RPS, JHEPA

Unit Alumni & Debat (2008-kini)

3. Pn. Sayang Nurshahrizleen Ramlan
Jawatan : Pegawai Tadbir
Dulu : Pejabat TNC (HEPA)
4. En. Mohd Hafizi Zalmi
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O)
Dulu : Tamat Pengajian (UiTM Shah Alam)

Sejarah Penubuhan

Alumni KUKUM-UniMAP telah bermula dalam Julai 2006 bersempena dengan Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Ianya dianggotai oleh semua bekas pelajar KUKUM (kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Perlis atau UniMAP). Keanggotaan alumni ini bertambah seiring dengan pertambahan jumlah bakal graduan dari universiti ini setiap tahun.

Peranan alumni universiti adalah amat besar impak positifnya kepada universiti ini. Hubungan antara alumni dan pihak universiti perlu dijalin dengan sebaik mungkin serta bergerak bersama dalam menjayakan aktiviti terutama di peringkat universiti. Justeru itu, sebuah badan yang bertanggungjawab iaitu Unit Alumni telah dtubuhkan di bawah naungan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni bersama-sama dengan Timbalan-timbalan Dekan (Pembangunan Pelajar & Alumni) pusat-pusat pengajian yang dilantik oleh universiti untuk terus

berhubung dengan alumni-alumni seterusnya memupuk & memastikan semangat cintakan universiti di kalangan alumni adalah bersifat sepanjang hayat.

Selain itu, Persatuan Alumni juga ditubuhkan bagi memenuhi keperluan universiti ini untuk menghubungkan bekas-bekas pelajar dengan universiti. Bagi memperlicinkan pengurusan keanggotaan, persatuan alumni ini dipecahkan kepada beberapa zon mengikut kawasan geografi. Iaitu terdiri daripada :

Chapter Utara

- Perlis, Kedah & Pulau Pinang

Chapter Tengah

- Perak, Selangor, Kuala Lumpur & Putrajaya

Chapter Selatan

- Negeri Sembilan, Melaka & Johor

Chapter Timur

- Pahang, Terengganu & Kelantan

Chapter Borneo

- Sabah & Sarawak

Pihak universiti sentiasa menanti dan mengalu-alukan alumni UniMAP untuk kembali dan menyumbang sesuatu kepada universiti kandung bukan setakat kewangan atau material tetapi juga membantu universiti dari segi penempatan pelajar, peluang pekerjaan, praktikum dan sebagainya. Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar akan terus memantau dan berusaha agar peranan alumni menjadi lebih bermakna dalam pembangunan universiti. UniMAP akan terus membimbing persatuan alumni sehingga ia benar-benar mantap, kukuh dan dapat bergerak sendiri dengan aktif.



Exco Persatuan Alumni 2008/2010

Presiden

En. Sarudin Rohseli
(Lokasi - Kulim)

Naib Presiden

En. Bulyami Md. Saad
(Lokasi - Alor Setar)

Setiausaha

Cik Nurul Syahrina Mohd. Shahar
(Lokasi Master di UniMAP)

Bendahari

En. Muhammad Ezanuddin Abdul Aziz
(Lokasi Master di UniMAP)

Perkembangan Pengurusan & Aktiviti Alumni

22/4/2006

Cadangan penubuhan Unit Alumni di KUKUM dibawa ke Mesyuarat Exco & diluluskan.

14-16/6/2006

Bengkel Alumni & RPS berserta Mesyuarat Timbalan-timbalan Dekan (HEP) telah diadakan di DKG, Kubang Gajah).

22/7/2006

Graduan sulung KUKUM dilahirkan seramai 107 orang Ijazah Sarjana Muda sempena **Istiadat Konvokesyen KUKUM Pertama** berlangsung di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

21/4/2007

Majlis Makan Malam Alumni KUKUM-UniMAP Bersama Naib Canselor diadakan di Hotel Holiday Villa, Alor Star, Kedah

1/7/2007

MOU bersama Syarkat Acia Global Technology Sdn. Bhd. pertama kali diadakan bagi perkhidmatan membuat dan menghantar bingkai foto berlogo UniMAP kepada graduan 2007 sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke 2.

18/8/2007

UniMAP melahirkan 563 graduan kejuruteraan dengan 554 Ijazah Sarjana Muda dan 9 Ijazah Sarjana Sains sempena **Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-2** berlangsung di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

1/4/2008

MOU bersama Syarkat Acia Global Technology Sdn. Bhd. kali ke-2 diadakan bagi perkhidmatan membuat dan menghantar bingkai foto berlogo UniMAP kepada graduan 2008 sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-3. Jumlah komisen jualan yang berjaya dikumpulkan adalah RM1,271.50 Disumbangkan ke Tabung Pembangunan Alumni.

15/8/2008

Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Alumni KUKUM-UniMAP diadakan di Dewan Kapitol, Kangar, Perlis. Perlantikan baru EXCO persatuan.

15/8/2008

Kad Alumni pertama dikeluarkan oleh ICT dan diedarkan oleh JHEPA kepada semua graduan 2008 sebagai tanda kenangan menuntut di UniMAP.

16/8/2008

UniMAP melahirkan lagi 652 graduan kejuruteraan dengan 645 Ijazah Sarjana Muda, 4 Ijazah Sarjana Sains dan 3 Doktor Falsafah sempena **Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-3** berlangsung di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

11-12/2/2009

Lawatan Kerja ke Pusat Alumni UPM dan Pejabat Perhubungan Alumni UKM diwakili oleh 5 orang staf JHEPA dan Presiden Persatuan Alumni UniMAP, En. Sarudin Rohseli. Makan malam informal bersama 2 alumni 2006 dan 2007 wakil Chapter Tengah (Selangor & Kuala Lumpur) turut diadakan di restoran di Sunway Pyramid.

17-19/4/2009

Bengkel Halatuju Persatuan Alumni UniMAP diadakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim dan **Makan Malam Alumni** di Kulim Golf & Country Resort, Kedah mengumpulkan seramai 52 orang alumni Chapter Utara.

1/6/2009

MOU bersama Syarkat Acia Global Technology Sdn. Bhd. kali ke-3 diadakan bagi perkhidmatan membuat dan menghantar bingkai foto berlogo UniMAP kepada graduan 2009 sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP Ke-4. Jumlah komisen jualan yang terkumpul akan disumbangkan ke Tabung Pembangunan Alumni.

20/6/2009

Mesyuarat Exco Persatuan Alumni UniMAP bersama staf Unit Alumni diadakan di Bilik Mesyuarat HEPA membincangkan aktiviti-aktiviti sempena konvokesyen ke-4 dan perancangan tahun 2010.

20/6/2009

Sesi pemurnian kandungan Perlembagaan Persatuan Alumni UniMAP diadakan selepas mesyuarat exco persatuan di Bilik Mesyuarat JHEPA, Kuala Perlis, Perlis.

Fungsi

1. Mengumpul & mengurus sistem pangkalan data Alumni.
2. Menjadi pusat sehati untuk rujukan semua pihak berkaitan dengan maklumat Alumni terkini.
3. Memupuk rasa kepunyaan & cintakan universiti yang berterusan di kalangan graduan supaya kembali menyumbang kepada alma mater.
4. Memantau kemajuan kerjaya Alumni & menyediakan mekanisme sokongan yang diperlukan.
5. Bekerjasama erat dengan Persatuan Alumni dalam menggalak semua Alumni menjadi ahli persatuan & merangsang mereka bergiat aktif dalam aktiviti Persatuan Alumni.
6. Menjana sokongan material daripada Alumni untuk kemajuan universiti dan pelajar menerusi Tabung Pembangunan Alumni.

7. Menjadi urusetia bersama bagi majlis dan program yang melibatkan Alumni.
8. Menyediakan senarai perkhidmatan universiti yang boleh digunakan oleh Alumni.

Strategi & Aktiviti

1. Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
 - i) P e m b a n g u n a n d a n penyelenggaraan sistem pangkalan data.
 - ii) P e m b a n g u n a n d a n penyelenggaraan laman web / portal alumni.
 - iii) Emel alumni dan 'ReachCircle Yahoogroups'.
2. Aktiviti berasaskan penerbitan
 - i) Pewujudan colum / bulletin / majalah alumni
 - ii) 'Alumni Yearbook'
 - iii) Kalendar Tahunan Alumni
3. Aktiviti perjumpaan sosial & 'Reunion'
 - i) Penganjuran program reunion
 - ii) 'Alumni Homecoming'
 - iii) Lawatan
4. Program berunsurkan latihan & pendidikan
 - i) Merancang dan menganjurkan seminar / bengkel / persidangan alumni kebangsaan atau antarabangsa.
 - ii) 'Alumni Culture Talk'
 - iii) Program 'Outreach Pre Alumni'
5. Pentadbiran Am, Polisi dan Prosedur
 - i) Membantu menjana sumber dan mengurus tabung
 - ii) Kad Alumni
 - iii) Membantu pengurusan dan aktiivti persatuan menurut dasar perlembagaan
6. Aktiviti Sukan & Rekreasi
 - i) Perlawanan sukan (cth: antara chapter)
 - ii) 'Treasure Hunt'
 - iii) 'Garage Sale'
 - iv) Sukaneka
7. Pembangunan Komuniti & Misi Kemanusiaan
 - i) Aktiviti pembangunan komuniti (penyertaan/ penganjuran)
 - ii) Misi-misi kemanusiaan peringkat negeri / Negara /antarabangsa

8. Rangkaian Antarabangsa
 - i) Pengwujudan rangkaian / zon alumni di luar Negara (Pascaijazah)
 - ii) 'International Alumni Homecoming'
 - iii) Penglibatan industri / syarikat multinasional (MNC)

Sejarah & Perkembangan Debat di IPTA Malaysia

Dalam tahun 1995 aktiviti perdebatan dikalangan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia telah

bermula satu era kejohanan debat yang amat berprestij, iaitu Pertandingan Debat DiRaja. Pada masa itu Debat DiRaja telah diasas dan dianjurkan buat julung kalinya oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Selepas itu, ekoran menjelang zaman kegawatan ekonomi, acara debat terpaksa dianjurkan secara dwi-tahunan kerana tidak ramai universiti yang sanggup membelanjakan wang bagi menguruskan pertandingan seumpamanya. Hanya selepas tahun 1999, barulah Debat Diraja dikembalikan secara tahunan, dan dianjurkan saban

tahun sehingga hari ini.

Debat Diraja bukan sahaja merintis kreativiti debat yang menggunakan sistem ala-parlimen, tetapi juga telah merintis kelahiran Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM). Tidak dapat dipastikan tentang tarikh rasmi kelahiran MADUM dan proses penubuhan dibelakang tabir, tetapi apa yang pasti MADUM dilahirkan untuk dijadikan sebuah badan yang bertanggungjawab memperomosi, memperkasa dan memastikan peningkatan kualiti perdebatan bagi IPT-

Senarai Pertandingan Debat / Pidato Setiap Tahun

Bil	Nama Pertandingan	Anjuran
1	Pertandingan Debat Piala Diraja IPTA	MADUM
2	Pertandingan Debat Perdana Integriti	MADUM & Institut Integriti Malaysia (IIM)
3	Pertandingan Debat Perpaduan & Integrasi Nasional	MADUM & JPNIN
4	Pertandingan Debat Alam Sekitar	MADUM & Jabatan Alam Sekitar (JAS)
5	Pertandingan Debat Kepenggunaan (FOMCA)	MADUM & KDNHEP
6	Pertandingan Debat Kemerdekaan	MADUM & Arkib Negara Malaysia (ANM)
7	Pertandingan Debat Kefahaman Islam	MADUM & Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
8	Pertandingan Debat Astar Terbuka	Kolej Kediaman Pertama, UM
9	OSHA Intervarsity Debating Tournament 2009 (BM & BI)	UiTM
10	Arau Open Debating Championship (BM & BI)	Kelab Debat & Pidato UiTM & Bahagian HEP UiTM
11	The Great Serdang Debate Championship	Majlis Tertinggi Mahasiswa & Kolej Kediaman UPM
12	Australasia Intervarsity Debate Championship	UiTM, Shah Alam
13	Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN	MADUM
14	Pertandingan Debat Bahasa Arab Piala Menteri	MADUM
15	Pertandingan Pidato Antarabangsa B.Malaysia Piala TPM	MADUM & Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
16	Pertandingan Pidato Kemerdekaan	MADUM
17	Pertandingan Pidato Rakan Muda	MADUM & Kementerian Belia & Sukan
18	Pertandingan Pidato Kementerian Luar	MADUM & Kementerian Luar Negeri
19	Pertandingan Pidato Islam Hadhari	MADUM, Kementerian Pengajian Tinggi & YADIM

IPT di Malaysia. Debat dikalangan IPT yang kini telah pun berusia 14 tahun saban tahun membarisi lebih dari 10 acara debat dengan kerjasama pelbagai institusi kerajaan dan Non-Government Organisation (NGO).

Sejarah & Perkembangan Debat di KUKUM / UniMAP

Sejarah awal debat dalam Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pula hanya bermula pada 2002. Debat tidak mempunyai unit yang khas kerana aktiviti debat dalam KUKUM

yang ketika itu lebih bersifat penyertaan atas jemputan oleh pihak MADUM dan penganjur bersama. Penglibatan konsisten KUKUM dalam arena perdebatan dan keahlian MADUM hanya bermula dalam tahun 2003. Dalam Jun 2002, pasukan debat KUKUM telah mengorak langkah pertama dengan menyertai Pertandingan Debat Alam Sekitar yang telah berlangsung di UIAM. Pada masa itu, penyertaan pertama pasukan tersebut telah dibarisi oleh Saudari Marni Azira Markom, Qhalilah Ismail, Hasliza Hasan, Norfifah Ariffin dan Norsila Nasyrah. Mereka merupakan

graduan KUKUM 2006. Pengurus pasukan merangkap pegawai pengiring pada masa itu ialah En. Faaizulawad Mohd. Salleh.

Pengurusan debat pada masa itu sering berubah dan bertukar-tukar tangan ekoran dari komitmen pegawai HEPA terhadap tugas hakiki unit masing-masing yang perlu lebih diutamakan. Namun oleh kerana segala perihal debat telah mula diselaraskan oleh Unit Alumni sejak tahun 2005, maka nama Unit Alumni & Debat telah digunakan secara rasmi bermula Mei 2009. Ini bagi

menggantikan nama Unit Alumni di Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA). Penamaan semula nama unit ini sebagai salah satu usaha murni pihak JHEPA kerana yakin terhadap potensi dan prospek pasukan debat UniMAP untuk melangkah lebih jauh dan maju dalam arena perdebatan nasional dan antarabangsa. Selain itu, dengan mempertanggungjawabkan segala kegiatan debat di bawah Unit Alumni & Debat, ia juga bertujuan untuk memastikan semua bentuk aktiviti dapat diatur dan dikawalselia dengan lancar dan sempurna.

Antara tanggungjawab khusus Unit Alumni & Debat berkaitan debat termasuklah koordinasi latihan, memastikan kecemerlangan pendebat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, membantu perkembangan aktiviti debat di peringkat universiti dan juga mempromosikan aktiviti debat di kalangan pelajar-pelajar UniMAP.

Selain itu, Kelab Debat UniMAP juga telah ditubuhkan sebagai sebuah platform bagi pelajar yang ingin bergiat lebih aktif dalam debat selain penyertaan ke pertandingan. Kelab ini ditubuhkan untuk melahirkan mahasiswa pendebat yang mempunyai kemahiran berkomunikasi secara profesional. Kelab Debat ini turut membimbing ahli-ahli agar mampu menyampaikan idea, pandangan, fakta, mahupun

bangkangan secara tepat dan jitu serta berkebolehan untuk meyakinkan pendengar dengan idea yang disampaikan. Selain dari debat, Kelab Debat turut mengadakan aktiviti yang boleh disertai oleh semua pelajar UniMAP untuk membantu meningkatkan kemahiran komunikasi mereka dikhalayak umum.

Fungsi

1. Mengurus penyertaan pasukan debat universiti ke pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Menyediakan universiti dengan sebuah pasukan debat yang mampu mengharumkan dan memartabatkan nama universiti di arena perdebatan nasional.
3. Membina ketrampilan diri para pelajar yang jitu sekaligus melahirkan para pelajar yang fasih berhujah berasaskan fakta dan yang mampu menyuarakan pandangan mereka yang bernas.
4. Mencungkil bakat-bakat baru dalam arena perdebatan di kalangan pelajar UniMAP.
5. Mengadakan bengkel dan latihan debat / pidato sebagai persediaan pasukan debat universiti bagi menyertai pertandingan-pertandingan sepanjang tahun.

6. Menganjurkan aktiviti-aktiviti ilmiah dan interaksi berkaitan debat / pidato.
7. Memberi pendedahan dan memperkayakan pengalaman pelajar yang bergiat aktif dalam debat / pidato melalui pertandingan-pertandingan debat / pidato sepanjang tahun.
8. Mewujudkan jalinan perpaduan dan kerjasama berpasukan antara pelajar yang terdiri dari berbilang kaum dan etnik dalam setiap aktiviti.
9. Memberi khidmat penasihat & membantu menyelaras aktiviti-aktiviti anjuran Kelab Debat UniMAP.

Senarai Aktiviti Debat

1. Bengkel Debat
2. Latihan Debat
3. Pertandingan Debat Piala Timbalan Naib Canselor (HEPA)
4. Lawatan & Debat Persahabatan ke IPTA dan IPTS
5. Debat 'Roadshow'

